



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN BENDAHARI
ARAS 3, BLOK UTARA,
BANGUNAN CANSELORI,
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA.

Tel : + 6088-320 000 samb. 1041 / 1043
Faks : + 6088-320 235
E-mel : pabenums@ums.edu.my

No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 5 (27)

Tarikh : 5 Oktober 2018

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Semua Dekan Fakulti
Semua Pengarah Institut/Pusat
Semua Ketua Jabatan/Bahagian
Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2018

PINDAAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2017 – GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASET ALIH (GPPA) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH VERSI 2017

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan terhadap Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2017 – Garis Panduan Pengurusan Aset Alih (GPPA) Universiti Malaysia Sabah Versi 2017 yang telah dikeluarkan pada 20 Januari 2017.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat pekeling ini disediakan selaras dengan penambahbaikan tatacara pengurusan aset alih sedia ada.
- 2.2 Pindaan ini melibatkan Bab VII – Pelupusan dan Bab VIII Hapus Kira dan Kehilangan sebagaimana yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2 Tahun 2018 (67).

3.0 PINDAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASET ALIH (GPPA) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

- 3.1 Bagi melaksanakan surat pekeling ini, Garis Panduan Pengurusan Aset UMS diguna pakai sepenuhnya dengan pindaan seperti berikut:

Bil.	Asal	Pindaan
1.	BAB VII - PELUPUSAN 51. PELAKSANAAN KAEDAH PELUPUSAN 51.3 Lelong (d) Urusan lelong hendaklah diadakan di ruang terbuka atau di dewan di mana kemudahan yang sesuai hendaklah disediakan untuk urusan melelong.	BAB VII - PELUPUSAN 51. PELAKSANAAN KAEDAH PELUPUSAN 51.3 Lelong (d) Urusan lelong hendaklah diuruskan mengikut kaedah berikut:- (i) diadakan di ruang terbuka atau di dewan di mana kemudahan yang sesuai hendaklah disediakan untuk urusan melelong ATAU (ii) diadakan secara atas talian
2.	BAB VIII - KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA 58. KUASA MELULUS KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA 58.1 Bagi kehilangan dan hapus kira aset alih, had kuasa yang ditetapkan adalah seperti berikut: (a) Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPUP) Perakuan untuk hapus kira semua jenis kehilangan tanpa mengira had nilai perolehan aset alih yang hilang. (b) Jawatankuasa Tetap Kewangan Kelulusan untuk hapus kira semua jenis kehilangan tanpa mengira had nilai perolehan aset alih yang hilang.	BAB VIII - KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA 58. KUASA MELULUS KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA 58.1 Bagi kehilangan dan hapus kira aset alih, had kuasa yang ditetapkan adalah seperti berikut: -Dibatalkan- (a) Jawatankuasa Tetap Kewangan Perakuan dan kelulusan untuk hapus kira semua jenis kehilangan tanpa mengira had nilai perolehan aset alih yang hilang.

4.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA PEKELILING

- 4.1 Peraturan dalam surat pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam pekeliling ini, boleh dikenakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.
- 4.2 Ketua Pusat Tanggungjawab dan Pegawai Aset di setiap Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan pengurusan Aset Alih Universiti dilakukan berdasarkan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.
- 4.3 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Bertekad Cemerlang”

Yang ikhlas,



ZALLIFAH SHADAN
Bendahari

s.k

- Y.Bhg. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Bahagian Audit Dalam
- Ketua Bahagian/Zon Operasi / Sektor Kewangan Jabatan Bendahari